



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
TINGKAT 13, GAYA CENTRE
JALAN TUN FUAD STEPHENS
BEG BERKUNCI NO. 2073
88999 KOTA KINABALU
SABAH

TELEFON: 088-260735
(260741/2/3/4 - Samb. 125)
TELEFAKS: 088-260731
E-MEL: papenums@ums.edu.my

PEJABAT PENDAFTAR

Ruj. Kami: **UMS/PN 2.1/P5/2**

Tarikh: **7** Julai 1999

PEKELILING PENDAFTAR BIL. 2/99

Semua Semua Dekan/Ketua Unit/Jabatan/Bahagian
Universiti Malaysia Sabah

YBhg. Dato'/Tuan/Puan

PELEKAT KENDERAAN (KERETA/MOTOR)

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa mulai daripada **15 Julai 1999**, pihak universiti akan menguatkuasakan peraturan memakai pelekat kenderaan bagi kenderaan-kenderaan yang keluar masuk di Kampus UMS (Kampus Tetap Teluk Sepanggar, Kampus Jalan Tuaran dan juga Kampus Antarabangsa Labuan).

Hanya kenderaan yang berpelekat sahaja akan dibenarkan memasuki dan meletakkan kenderaan di petak-petak kenderaan yang dikhaskan dalam kampus. Pelekat kenderaan khas yang disediakan boleh didapati di pejabat-pejabat yang dinyatakan berikut dengan bayaran sebanyak RM2.50 sekeping.

Pelekat khas yang dimaksudkan adalah seperti berikut, iaitu seperti yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti pada 21 Mei 1999.

- i. **Pelekat Warna Merah/Maroon**
(Ahli-ahli LPU, Pegawai Utama dan Dekan-dekan Sekolah/Pusat)
- ii. **Pelekat Warna Kuning**
(Kakitangan tetap/kontrak/sementara universiti)
- iii. **Pelekat Warna Biru**
(Pelajar-pelajar berdaftar sepenuh masa dan pelajar pasca siswazah).
- iv. **Pelekat Warna Hijau**
(Khas untuk kakitangan yang bekerja di dalam kampus tetapi bukan kakitangan universiti).
[Pelekat warna hijau akan dikenakan dengan harga yang berlainan].

Pelekat-pelekat boleh diperolehi di pejabat-pejabat berikut:

- i. **Pelekat Warna Maroon/Merah**
 - Pejabat Pendaftar, Tingkat 13, Gaya Centre
- ii. **Pelekat Warna Kuning (Kakitangan)**
 - Pejabat Keselamatan, Kampus Jalan Tuaran

- Pejabat Dekan Sekolah Sains dan Teknologi dan Pejabat Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa bagi Kampus Teluk Sepanggar
- Pejabat Pendaftar, Bahagian Akademik di Kampus Teluk Likas
- Pejabat Keselamatan, Bahagian Pentadbiran, Kampus Antarabangsa Labuan

iii. Pelekat Warna Biru (Pelajar)

- Pejabat Hal-ehwal Pelajar, Kampus Jalan Tuaran

iv. Pelekat Warna Hijau


- Pejabat Keselamatan, Kampus Jalan Tuaran
- Pejabat Pendaftar, Tingkat 13, Gaya Centre
- Pejabat Keselamatan, Kampus Antarabangsa Labuan

Sehubungan itu, sukacita sekiranya YBhg. Dato'/Tuan/Puan dapat mengambil perhatian mengenai perkara ini dan memaklumkan kepada semua kakitangan di bawah pengawasan YBhg. Dato'/tuan/puan.

Sekian dan terima kasih.

'BERTEKAD CEMERLANG'

Yang benar
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


HELA LADIN MOHD. DAHALAN
Pendaftar

HLMD:mk

sk.: - Naib Canselor

- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan)

- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
(u.p.: En. No'man Hj. Ahmad)

[Sukacita sekiranya pihak tuan dapat memaklumkan kepada semua pelajar UMS berhubung dengan perkara ini. Terima kasih.]

m sword/